

Sekolah cemerlang lebih autonomi

UM-17/1/2007
KUALA LUMPUR 16 Jan. - Kementerian Pelajaran akan memberi lebih autonomi kepada sekolah-sekolah yang menyerlah dan cemerlang sebagai langkah untuk mewujudkan kluster institusi pendidikan di negara ini.

Usaha ini bertujuan menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia sekali gus melahirkan generasi yang holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerja.

Menurut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang dilancarkan hari ini, guru-guru yang mengajar di sekolah terpilih dalam kluster tersebut dijangka mendapat pembayaran gaji lebih tinggi selain insentif serta elaun khas berbeza dengan guru sekolah biasa.

Bagaimanapun, imbuhan itu masih mematuhi siling yang ditentukan.

PIPP juga memberi kebebasan kepada sekolah-sekolah tersebut dalam bidang kuasa pemilihan pengetua dan pihak pengurusan.

Bahkan, sekolah boleh memilih individu berdasarkan permohonan atau melalui pengenalanpastian oleh pihak kepimpinan atasan atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah tersebut.

Begitu juga pemilihan tenaga pengajar sekolah, ia berdasarkan permohonan atau pengenalanpastian oleh pihak sekolah manakala pelantikan staf sokongan tanpa perlu mengikut norma perjawatan biasa.

Bagi melonjakkan kekuatan yang ada pada sekolah tersebut, kementerian mencadangkan satu bidang khusus (*niche areas*) perlu diwujudkan di sekolah.

Sehubungan itu, kementerian akan mengenal pasti 300 sekolah yang menyerlah dan cemerlang dalam kluster institusi pendidikan untuk dipilih bagi melonjakkan lagi kecemerlangan institusi tersebut.

Di samping itu, sekolah-sekolah yang termasuk dalam kluster diberi autonomi untuk memilih 10% daripada jumlah kemasukan pelajar dan pelajar yang ditaja.

Mengikut PIPP, sekolah-sekolah berkenaan turut dibenarkan mewujudkan kelas khas yang bersesuaian dengan bidang khusus masing-masing.

Selain ini, bagi sekolah yang terpilih, diberi kebebasan untuk menawarkan mata pelajaran di luar sistem kebangsaan seperti O-level atau General Certificate of Secondary Education (GCSE) dan A-level serta dibenarkan melaksanakan tempoh waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih fleksibel.

Malah, sekolah juga berhak memilih bahan dan membuat perolehan bahan-bahan tambahan dan pengajaran yang diperlu.

Kementerian juga membenarkan sekolah menjana dan menguruskan kewangan bagi mendapatkan dana tambahan.

PIPP turut memberi autonomi kepada sekolah untuk melaksanakan program pembangunan profesional untuk tenaga pengajarnya.